

09/09/1998

PM perjelas sebab tiada timbalan

Ebi Azly Abdullah

BANGI, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan beliau tidak melantik salah seorang Naib Presiden Umno sebagai pemangku Timbalan Perdana Menteri kerana tidak mahu mengecewakan salah seorang daripada mereka.

"Jika saya memilih seorang daripada mereka, seorang lagi akan berasa kecil hati," katanya selepas merasmikan perhimpunan agung Persatuan Pentadbiran Awam dan Pengurusan Komanwel di sini, hari ini.

Perdana Menteri ditanya kenapa tidak mengisi kekosongan jawatan Timbalan Perdana Menteri berikutan pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada Kabinet dan parti, minggu lalu.

Umno mempunyai tiga Naib Presiden yang dipilih iaitu Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak; Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib yang kini 'bercuti' kerana menghadapi tuduhan mahkamah.

Sambil mengulangi pendiriannya bahawa jawatan nombor dua itu tidak akan diisi sehingga pemilihan Umno yang dijadualkan tahun depan, Dr Mahathir berkata jika berlaku sesuatu terhadapnya, Umno memutuskan pengganti yang sesuai.

"Pelbagai perkara boleh berlaku kepada sesiapa pun, ia boleh berlaku kepada saya ... saya menyedarinya tetapi (jika ia berlaku), parti akan memutuskannya," katanya.

Ditanya kemungkinan dengan melepaskan tanggungjawab itu kepada Naib Presiden, menimbulkan masalah, Dr Mahathir mengakui mungkin akan timbul sedikit 'masalah' pada mulanya.

"Bagaimanapun, saya yakin akhirnya mereka akan memutuskan salah seorang dari mereka. Dan mengikut tradisi Umno, selepas keputusan dibuat, kita kembali berbaik," katanya.

Beliau yang juga Presiden Umno bagaimanapun menolak kemungkinan pemilihan parti itu diadakan lebih awal untuk melantik Timbalan Presiden baru.

Mengenai permintaan pemimpin Umno supaya Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi dikenakan tindakan disiplin kerana memberi sokongan kepada Anwar, Perdana Menteri berkata: "Setakat ini kita tidak ada rancangan untuk mengambil apa apa tindakan, tetapi terpulang kepada ahli."

(END)